

**PEMBERITAHU PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF
RAWA [PARIT BUNTAR]**

SOALAN

DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**
menyatakan usaha Kementerian menggunakan racun pertanian yang
tidak menjejaskan alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sentiasa memastikan pertanian negara kekal lestari dan kompetitif dengan mempraktikkan penggunaan racun pertanian yang tidak menjejaskan alam sekitar. Pusat Kecemerlangan Pertanian Hijau juga telah ditubuhkan untuk tujuan penyelidikan teknologi hijau selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang menekankan pendekatan pertanian hijau, organik dan lestari (*sustainable agriculture*).

Pembangunan produk hijau dan teknologi biopestisida memberi petani alternatif yang lebih selamat di samping mengekalkan produktiviti pertanian setara atau lebih baik daripada penggunaan racun kimia. Formulasi biopestisida mengandungi bahan aktif berasal daripada sumber semula jadi seperti virus atau mikrob, ekstrak tumbuhan atau cuka kayu yang boleh membantu mengawal perosak dan penyakit di lapangan. Ini tidak memberi kesan kesihatan kepada pengguna kerana menggunakan bahan semula jadi. Beberapa produk biopestisida seperti TRicoMAR dan Teknologi Biopestisid Multi Virus telah dilancarkan oleh Kementerian dan sedia untuk dikomersilkan melalui syarikat yang berminat.

Sekian, terima kasih.